

## Hong Leong Islamic Bank – Peraduan Travelog 2017

### Terma dan Syarat (“T&S”)

“Hong Leong Islamic Bank Travelog” (“Peraduan”) adalah peraduan di sosial media yang dianjurkan oleh Hong Leong Islamic Bank Berhad (“pihak Bank”) yang akan bermula dari 2 to 20 Oktober 2017 (“Tempoh Peraduan”) termasuk kedua-dua hari, atau diberitahu sebaliknya.

### Kelayakan

1. Peraduan adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia sama ada penduduk tetap atau bukan warganegara, dan bukan pelanggan Bank kecuali staf-staf tetap Bank dan staf kontrak (“Peserta”).
2. Bagi peserta bukan warganegara, Peserta hendaklah menetap di Malaysia sepanjang Tempoh Peraduan dan satu (1) bulan selepas tamat Tempoh Peraduan.
3. Peserta hendaklah berusia lapan belas tahun (18) dan ke atas semasa Tempoh Peraduan.

### Mekanisme Peraduan

4. Untuk menyertai Peraduan, Peserta perlu menghantar cadangan makan angin (“Road Trip”) anda (“Penyertaan Peraduan”) ke destinasi di seluruh Malaysia tertakluk kepada yang berikut;
  - a) Destinasi Road Trip anda hendaklah di dalam Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak sahaja.
  - b) Tempat permulaan Road Trip anda hendaklah di negeri yang berbeza dengan destinasi anda dan tidak melebihi 24 jam dari tempoh perjalanan bermula.
  - c) Perbelanjaan pergi balik Road Trip anda hendaklah tidak melebihi RM500 dan tidak termasuk tambang tiket kapal terbang (jika ada).
  - d) Cadangan anda hendaklah disertakan dengan sekurang-kurangnya dua (2) kegunaan Debit Kad-i Hong Leong Islamic Bank di sepanjang tempoh Road Trip.
  - e) Peserta hendaklah menghantar Penyertaan Peraduan secara individu atau berpasangan secara bertulis disertakan gambar passport, nama pena, nama penuh seperti yang tertera dalam IC dan alamat email anda.
  - f) Penyertaan Peraduan terbuka dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris dalam format Microsoft Office Word atau Power Point, PDF dan gambar.
5. Bagi tujuan penyertaan Peraduan, Peserta perlu menghantar Penyertaan Peraduan yang lengkap melalui email ke [HLISBCampaign@hlisb.hongleong.com.my](mailto:HLISBCampaign@hlisb.hongleong.com.my) sehingga 20hb Oktober 2017 (23:59).
6. Bagi mengelak keraguan, jawapan yang tidak lengkap seperti yang tertera di klausa empat (4) dan/atau penyertaan yang tidak boleh diakses oleh pihak Bank tidak akan diambil kira sebagai penyertaan Peraduan yang sah.
7. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab bagi penyertaan yang tidak berjaya yang disebabkan oleh penyertaan yang mempunyai unsur-unsur perkauman, bahasa kesat atau unsur-unsur lain yang tidak sesuai atau disebabkan sebarang gangguan teknikal atau masalah talian internet yang dihadapi oleh Peserta ketika menggunakan akaun Facebook sendiri.

### Hadiah & Pemilihan Pemenang

8. Peserta Peraduan yang telah melengkapkan dan mematuhi semua syarat-syarat seperti yang tertera di klausa empat (4) hingga enam (6) di atas (“Penyertaan Peraduan Berjaya”), layak

- untuk dipilih oleh pihak Bank bagi memenangi Hadiah sepanjang Tempoh Peraduan (“Pemenang”).
9. Setelah tamat Tempoh Peraduan, tiga (3) Penyertaan Peraduan akan dipilih sebagai Pemenang berdasarkan cadangan Road Trip yang paling kreatif dan menarik.
  10. Tiga (3) Pemenang terpilih akan menerima rancangan peribadi berjudul ‘Travelog’ yang akan diterbitkan oleh Hong Leong Islamic Bank berdasarkan cadangan Road Trip anda.
  11. Hadiah Peraduan yang berbentuk rancangan Travelog adalah tertakluk seperti berikut:
    - a) Pemenang akan menjalankan penggambaran dengan satu kru video untuk merakamkan perjalanan beserta mengacarakan Road Trip berdasarkan Penyertaan Peraduan.
    - b) Pemenang akan menerima kos RM500 yang akan dikreditkan ke dalam Akaun-i Simpanan atau Semasa Hong Leong Islamic Bank untuk tujuan perbelanjaan perjalanan dan penggunaan Kad Debit-i sebelum bermulanya Road Trip.
    - c) Pemenang perlu menjalani penggambaran Road Trip dalam tempoh 24 jam pada bila-bila masa dari tempoh 28 Oktober 2017 sehingga 19 November 2017.
    - d) Setiap Pemenang akan menerima RM1,000 tunai yang akan dikreditkan ke dalam Akaun-i Simpanan atau Semasa Hong Leong Islamic Bank setelah tayangan rasmi video diadakan.
  12. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Peserta boleh menghantar seberapa banyak Penyertaan Peraduan tetapi setiap Pemenang hanya boleh memenangi satu (1) Hadiah sahaja sepanjang Tempoh Peraduan.
  13. Hadian wang tunai RM1,000 akan dikreditkan ke dalam Akaun-i Simpanan atau Semasa Hong Leong Islamic Bank dalam tempoh empat (4) sehingga lapan (8) minggu dari tarikh tayangan video.
  14. Pemilihan Pemenang adalah berdasarkan budi bicara pihak Bank berdasarkan Penyertaan yang layak. Keputusan Bank adalah muktamad dan tidak boleh dipertikai dengan apa jua cara.
  15. Pihak Bank berhak untuk membatalkan sebarang penyertaan yang tidak relevan atau mempunyai unsur-unsur keterlaluan, bahasa kesat atau sentiment negatif.

### **Pengumuman Pemenang dan Hadiah**

16. Pemenang-Pemenang akan diumumkan melalui akaun Facebook Hong Leong Bank dan laman sesawang Hong Leong Islamic Bank dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja bermula dari hari terakhir Tempoh Peraduan.
17. Pemenang kemudiannya perlu menghantar email ke [HLISBCampaign@hlisb.hongleong.com.my](mailto:HLISBCampaign@hlisb.hongleong.com.my) dengan butiran peribadi seperti berikut dalam dua (2) minggu dari tarikh pengumuman:-
  - a. Nama penuh (seperti yang tertera dalam Kad Pengenalan)
  - b. Nombor Kad Pengenalan
  - c. Nombor Telefon
  - d. Alamat email
  - e. Nombor Akaun Simpanan atau Semasa Hong Leong Islamic Bank
18. Sekiranya Pemenang gagal untuk memberi maklum balas kepada pihak Bank dengan betul dan beserta semua butiran yang diperlukan seperti yang tertera dalam klausa tujuh belas (17) di atas, Pemenang akan dibatalkan dari peraduan dan tidak layak menerima Hadiah.
19. Pemenang telah memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk mendedah atau menyiarkan butiran Pemenang di media bagi pemasaran atau pengiklanan bagi tujuan Peraduan.
20. Pemenang Peraduan adalah tertakluk kepada terma dan syarat Hadiah Peraduan. Penerimaan Hadiah akan dianggap sebagai pengesahan dan persetujuan oleh Pemenang dan/yang tertakluk kepada terma dan syarat.

### **Publisiti**

21. Pemenang telah memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk menggunakan nama ID cth: seperti yang tertera sebagai ID Facebook), gambar Pemenang tanpa perlu Pemenang member kebenaran kepada pihak Bank membuat sebarang bayaran atau sebagainya kepada Pemenang dan/atau Peserta bagi tujuan publisiti, iklan, dagangan atau promosi di mana-mana media.

### General

22. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta Peraduan bersetuju:
- a) Bahawa mereka telah membaca dan memahami T&S yang terkandung dan bersetuju untuk mematuhi kesemua T&S dan mana-mana terma dan syarat yang telah dilaksanakan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa yang berkaitan dengan Peraduan;
  - b) Kesemua Penyertaan Peraduan yang berjaya dan telah di rekodkan oleh pihak Bank adalah muktamad, keseluruhan dan tertakluk kepada semua Peserta dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan tidak akan dilayan;
  - c) bersetuju untuk melayari laman sesawang HLISB di [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) ("Laman Sesawang HLISB") pada selang masa kerap untuk menyemak T&S, dan untuk memastikan mereka mengetahui maklumat terkini mengenai sebarang perubahan atau variasi kepada T&S;
  - d) Membenarkan pihak Bank untuk menerbitkan atau memaparkan nama atau gambar Pemenang (jika ada) untuk tujuan pemasaran dan promosi tanpa perlu membayar royalti atau ganti rugi kepada Peserta; dan
  - e) Untuk dengan sendirinya mendapatkan hak-hak (jika ada) yang diperlukan untuk menggunakan jawapan bagi tujuan Penyertaan Peraduan.
  - f) Untuk mengecualikan pihak Bank dari sebarang liabiliti ketika melakukan aktiviti Road Trip termasuk kecederaan dan tanggungan kewangan.
23. Tertakluk kepada pematuhan prinsip Shariah, Bank mempunyai hak untuk:
- a) Menambah, memadam atau menukar T&S ini, keseluruhannya atau sebahagiannya, atau untuk mengantung atau menamatkan Peraduan ini di atas budi bicara, dengan memuat naik notis pada Facebook rasmi Hong Leong Bank, laman sesawang Bank atau di mana-mana saluran yang dianggap praktikal oleh pihak Bank, akan memaklumkan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari calendar notis terlebih dahulu kepada Peserta tentang penambahan, pemadaman atau penukaran T&S tersebut atau penamatan Peraduan ini;
  - b) Menyingkirkan mana-mana Peserta dari memasuki peraduan ini dan/atau Pemenang dari menerima Hadiah:-
    - (i) sekiranya Peserta telah menarik balik penyertaan dari Peraduan sebelum Tempoh Peraduan berakhir;
    - (ii) sekiranya Peserta telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, melanggar undang-undang atau melakukan sebarang kesalahan berkaitan dengan kemudahan-kemudahan yang telah diberikan oleh pihak Bank atau diisytihar Bankrup (melalui petisyen melalui bank atau melalui pihak ketiga) atau tertakluk kepada sebarang percabangan bankrup pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Peraduan dan sebelum tempoh memberi Hadiah.

- c) Untuk menukar Hadiah dan/atau menggantikan Hadiah dengan produk lain dengan nilai yang sama dengan budi bicaranya dengan pengumuman melalui laman sesawang Bank atau dengan mana-mana cara yang dianggap bersesuaian oleh pihak Bank.
- 24. T & S di dalam ini hendaklah dibaca bersama terma dan syarat Am untuk Akaun bagi Hong Leong Islamic Bank sebagai perjanjian keseluruhan. Jika terdapat apa-apa percanggahan, T & S pada laman web Peraduan akan diguna pakai kepada percanggahan itu.
- 25. Sekiranya berlaku percanggahan diantara T&S ini dengan pengiklanan, promosi, publisiti dan mana-mana bahan berkaitan atau berhubung dengan Peraduan, T&S muktamad adalah seperti yang tertera di laman sesawang Peraduan.
- 26. T & S ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Peserta Peraduan bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia secara tidak eksklusif.